

07/11/2003

Warga USM ucap terima kasih kepada Dr M

Mohd Hairi Hashim

BAGI pihak pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) yang berjumlah lebih 18,000, kami anggota Majlis perwakilan Pelajar USM bagi sidang akademik 2003/2004 merakamkan penghargaan terima kasih terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad sepanjang kepemimpinan Tun sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-4 selama 22 tahun.

Kami selaku pendukung aspirasi universiti amat berbangga dengan pendekatan yang dilakukan Tun dalam meningkatkan imej Malaysia ke peringkat global. Pendekatan politik, ekonomi dan sosial yang dilakukan oleh Tun membawa kesan yang bermakna kepada stratifikasi masyarakat di Malaysia.

Kami sedar bahawa ramai pihak yang cemburu dan iri hati terhadap Dr Mahathir dalam meningkatkan martabat bangsa Malaysia. Namun ini tidak pernah menghalang Tun dalam mengekalkan kewibawaan dan karisma sejajar slogan yang diuar-uarkan iaitu Malaysia Boleh. Selain itu, kami berharap Tun akan terus menyumbangkan idea demi menjaga keutuhan kedaulatan negara walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Di sini juga, kami mengambil peluang mengucapkan syabas dan tahniah di atas pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-5. Justeru kami selaku wakil pelajar Universiti Sains Malaysia menyatakan sokongan kepada kepemimpinan yang baru. Diharap semua pelajar di Malaysia mendapat manfaat di atas perubahan kepemimpinan yang sedia ada. `Menjana Mahasiswa Intelek Berteraskan Kecemerlangan'

MOHD HAIRI HASHIM,
Setiausaha Agung,
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Sains Malaysia,
Sidang Akademik 2003/2004.